


KOD ETIKA PEMEGANG SIJIL UJIAN TANPA MUSNAH (NDT)
Pemegang Sijil NDT apabila menjalankan tugas professionalnya hendaklah:

- i. bertanggungjawab kepada kebajikan, kesihatan dan keselamatan masyarakat pada setiap masa.
- ii. mematuhi undang-undang, peraturan dan akta yang berkaitan, dan hendaklah mengutamakan tanggungjawab terhadap undang-undang, peraturan dan akta berkaitan melebihi tanggungjawabnya kepada kerjaya, kepentingan peribadi atau kumpulan, atau kepada bukan pengamal NDT.
- iii. mempertahankan integriti dan etika industri NDT.
- iv. menerima tanggungjawab profesional hanya dalam kaedah dan bidang yang mereka dipersijilkan.
- v. bertanggungjawab atas segala kerja yang dijalankan atau kerja-kerja yang berada dibawah kawalan mereka.
- vi. menggunakan kemahiran dan pengetahuannya demi kepentingan majikan atau pelanggan yang menganggap mereka sebagai orang yang telah diberi kepercayaan.
- vii. memberi nasihat, menyatakan pendapat, atau membuat kenyataan yang jelas dan secara profesional berasaskan pengetahuan sebenar.
- viii. meneruskan pembangunan profesional dalam kerjaya dan hendaklah aktif membantu dan menggalak personel NDT yang lain untuk meningkatkan pengetahuan dan pengalaman mereka.
- ix. memaklumkan kepada JPK dengan kadar segera tanpa tangguh, perkara-perkara yang boleh memberi kesan terhadap keupayaan pemegang sijil dalam melaksanakan tugas-tugas sebagai pemeriksa NDT untuk terus memenuhi keperluan pensijilan.
- x. memaklumkan kepada JPK dengan kadar segera tanpa tangguh, sekiranya pemegang sijil tidak berupaya untuk melaksanakan sebahagian atau keseluruhan tugas-tugas sebagai pemeriksa NDT.

Pemegang SKM NDT yang dilaporkan gagal mematuhi kod etika di atas boleh disabitkan oleh Jabatan.

PERATURAN PENGGUNAAN SIJIL NDT
Personel yang telah dipersijilkan hendaklah:

- i. patuh dengan peraturan persijilan NDT.
- ii. melaksanakan tugas hanya meliputi kaedah dan bidang NDT yang mana sijil dianugerahkan
- iii. tidak menggunakan sijil SKM dalam apa jua keadaan yang boleh menjatuhkan nama baik Jabatan, dan tidak membuat sebarang kenyataan yang tidak benar berkenaan persijilan NDT.
- iv. berhenti menggunakan segala tuntutan terhadap persijilan NDT, termasuk membuat rujukan terhadap Jabatan apabila sijil digantung atau dibatalkan, dan memulangkan semua sijil-sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan apabila dikehendaki berbuat demikian.
- v. tidak menggunakan sijil SKM untuk maksud yang salah.

Saya telah membaca dan memahami Kod Etika Persijilan NDT dan Peraturan Penggunaan Sijil di atas dan bersetuju untuk mematuhi kod dan peraturan ini.

Tandatangan Pemohon : _____ **Tarikh:** _____

No. Kad Pengenalan : _____